

02/1  
Bahasa Melayu  
Kertas 1  
Okt  
2010  
1 jam



**PEJABAT PELAJARAN DAERAH PASIR GUDANG**

---

**PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2010**

**TINGKATAN 2**

---

**BAHASA MELAYU**

**KERTAS 1**

**1 JAM**

---


1. Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Fikir dengan teliti ketika memilih jawapan anda. Jika anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan sehingga bersih tanda yang tidak dikehendaki itu dan kemudian, hitamkan pilihan anda yang baharu.

**Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak**

**Soalan 1 hingga Soalan 7**

Lengkapkan ayat-ayat di bawah ini dengan **memilih** perkataan yang **paling sesuai**.

1.



Api yang sedang\_\_\_\_\_itu telah membakar hampir keseluruhan rumah kayu itu.

- A Marak
  - B Marah
  - C Membara
  - D Mara
2. \_\_\_\_\_ dari negara Iran telah muncul sebagai johan bahagian lelaki dalam pertandingan Musabaqah Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa yang berlangsung di Pusat Islam.
- A. Perwakilan
  - B. Pemerhati
  - C. Pemimpin
  - D. Peserta
3. Pihak mahkamah menyediakan khidmat \_\_\_\_\_ untuk melancarkan proses perbicaraan.
- A. Jururunding
  - B. Jurubahasa
  - C. Jurucakap
  - D. Juruulas

4. Sekumpulan pelajar yang ponteng sekolah itu lari \_\_\_\_\_ apabila dikejar oleh Cikgu Ahmad
- A. kelam-kabut
  - B. pontang-panting
  - C. bolak-balik
  - D. lentam-lentum
5. \_\_\_\_\_ di Bandar Melaka luas-luas belaka.
- A. Jalan-jalan
  - B. Jalan
  - C. Jalanan
  - D. Jalan-jalanan
6. Puan Sue tidak sampai hati tinggal \_\_\_\_\_ dengan anak tunggalnya itu.
- A. jauh
  - B. sejauh
  - C. berjauh
  - D. berjauhan
7. Kerajaan \_\_\_\_\_ penduduk di desa itu mengambil kesempatan daripada kemudahan pinjaman yang disediakan bagi memajukan lagi perusahaan mereka.
- A. mendesak
  - B. menggesa
  - C. menyuruh
  - D. memaksa

#### Soalan 8 hingga Soalan 14

Ayat-ayat di bawah ini  **mungkin betul**  dan  **mungkin salah** . Jika terdapat kesalahan, **kesalahan itu telah ditanda** dengan **A, B** atau **C**. Tandakan sama ada A,B atau C jika ayat itu **mengandungi kesalahan** dan tandakan **D** jika **tiada kesalahan** dalam ayat berkenaan.

8. Lukisan hasil nukilan pelukis jalanan itu mendapat perhatian daripada para
- A                      B                      C
- pengunjung pameran lukisan itu. Tiada kesalahan
- D

9. Lain-lain hal tidak akan dibincangkan dalam mesyuarat itu nanti. Tiada kesalahan

10. Halim menolak kuat-kuat adiknya ke dinding. Tiada kesalahan  
 A B C D
11. Dia tidak sedar bahawa ayam telur itu sudah menetas. Tiada kesalahan  
 A B C D
12. Mereka memperolehi keuntungan yang banyak hasil daripada jualan pita-pita video  
 itu. Tiada kesalahan  
 A B C D
13. Mereka-mereka yang gagal dalam peperiksaan PMR diberikan peluang sekali lagi  
 untuk menduduki peperiksaan tersebut pada tahun ini. Tiada kesalahan  
 A B C D
14. Tayang filem bertajuk “ Rempit ” itu mendapat sambutan yang dingin daripada orang  
 ramai. Tiada kesalahan  
 A B C D

### Soalan 15 hingga Soalan 17

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong dengan betul** dan tentukan bahawa anda telah **memilih cadangan jawapan yang paling sesuai**.

- 15 I Pengarah syarikat itu telah *menggariskan* beberapa strategi untuk dipatuhi oleh pekerjaanya.
- II Soalan pada bahagian B, calon diminta supaya *menggariskan* jawapan yang betul sahaja.
- III Para pekerja sedang *menggariskan* jalan yang baru ditar itu.
- IV Emak meminta kakak *menggariskan* beberapa helai baju yang hendak dijahit.
- A I dan II sahaja C I, II dan III sahaja
- B III dan IV sahaja D II, III dan IV sahaja

- 16 I Beberapa bahagian *anggota* tubuh datuk sakit-sakit sejak tiga hari lalu.
- II Kakak memasukkan semua *anggota* permainan yang bertaburan di lantai ke dalam bakul.
- III Sudah tiga tahun Huzair menjadi *anggota* pengakap di sekolahnya.
- IV *Anggota* pasukan penyelamat bergegas ke tempat kemalangan setelah menerima maklumat.
- A I, II dan III sahaja                      C I, II dan IV sahaja
- B II, III dan IV sahaja                      D I, III dan IV sahaja
- 17 I Guru perlu *menabur* semangat patriotik kepada pelajar.
- II Sikap sesetengah orang yang suka *menabur* fitnah akan mencetuskan pergaduhan.
- III Sebagai warganegara yang bertanggungjawab, kita patut *menabur* bakti kepada masyarakat dan negara.
- IV Ayah sedang *menabur* beberapa biji benih tomato di atas batas.
- A I dan II sahaja                      C II, III dan IV sahaja
- B I, III dan IV sahaja                      D I, II, III dan IV

### Soalan 18 hingga soalan 21

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut  **mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak**. Tandakan sama ada **A, B, atau C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika **tiada kesalahan**.

- 18 Banyak orang menyokong pendapat yang mengatakan bahawa permasalahan moral remaja banyak berpunca daripada rumah.
- A berasal banyak dari rumah
- B berfaktorkan banyak dari rumah
- C banyak berpunca dari rumah
- D banyak berpunca daripada rumah

- 19 Hanya tiga orang yang layak menerima hadiah di antara semua peserta-peserta yang menyertai pertandingan pidato itu.
- A antara semua peserta
  - B antara semua peserta-peserta
  - C di antara semua peserta
  - D di antara semua peserta-peserta
- 20 Selain daripada kek dan roti, di kedai itu terdapat juga pelbagai jenis ais krim.
- A Selain kek dengan roti
  - B Selain kek dan roti
  - C Selain daripada kek dengan roti
  - D Selain daripada kek dan roti
- 21 Kejadian gempa bumi di Turki itu telah mengorbankan banyak nyawa dan harta benda.
- A telah mengorbankan ramai
  - B telah banyak mengorbankan
  - C mengorbankan telah banyak
  - D telah mengorbankan banyak

**Soalan 22 hingga Soalan 24**

*Pilih ayat yang mempunyai maksud yang **sama** atau maksud yang **paling hampir** dengan ayat yang dicetak tebal.*

- 22 **Kempen berbudi bahasa dan nilai-nilai murni yang dilancarkan bertujuan untuk pembangunan nilai kemanusiaan sebagai pelengkap status negara maju.**
- A Status negara maju bertujuan melancarkan kempen berbudi bahasa untuk pembangunan nilai kemanusiaan sebagai pelengkap.
  - B Pembangunan nilai kemanusiaan adalah pelengkap kepada kempen berbudi bahasa yang dilancarkan di negara berstatus maju.
  - C Sebagai menyempurnakan maksud negara maju, kempen berbudi bahasa dan nilai-nilai murni telah dilancarkan untuk tujuan pembangunan nilai kemanusiaan.
  - D Kempen berbudi bahasa dan nilai-nilai murni yang dilancarkan bertujuan melengkapkan status negara maju.

- 23 **Isu perlumbaan motosikal haram dalam kalangan remaja kembali hangat dibincangkan oleh pemimpin negara dan orang ramai sejak akhir-akhir ini.**
- A Pemimpin negara dan masyarakat kini sibuk mencari jalan untuk mengatasi masalah perlumbaan haram dalam kalangan remaja.
  - B Pelbagai pihak sibuk memperkatakan masalah perlumbaan haram sejak kebelakangan ini, termasuk golongan remaja.
  - C Remaja kini semakin giat mengadakan perlumbaan motosikal secara haram sehingga membimbangkan semua pihak.
  - D Kini, perlumbaan motosikal haram yang membabitkan remaja sibuk diperkatakan semula oleh masyarakat, termasuk pemimpin negara.
- 24 **“Pinggan kaca ini berkecai setelah terlepas daripada pegangan adik,” kata kakak.**
- A Kakak menyatakan bahawa adik melepaskan pinggan kaca yang ada pada tangannya.
  - B Adik memberitahu kakak bahawa dia tidak sengaja menjatuhkan pinggan yang dipegangnya itu ke lantai.
  - C Kakak menjelaskan bahawa pinggan kaca yang dipegang oleh adik itu telah terlepas lalu jatuh berkecai.
  - D Adik melepaskan pinggan kaca itu daripada pegangan kakak sehingga menyebabkan pinggan itu berkecai.

**Soalan 25 hingga Soalan 27.**

*Pilih ayat-ayat yang betul dan tentukan bahawa anda telah memilih cadangan jawapan yang paling sesuai.*

- 25
- I Mereka menonton televisyen hingga larut malam.
  - II Semalaman keluarga Encik Thanabalan telah membeli-belah di pasa raya.
  - III Para doktor-doktor itu bertungkus lumus cuba menyelamatkan nyawa mereka yang terlibat dalam kemalangan ngeri itu.
  - IV Filem tempatan yang ditayangkan di negara kita memerlukan sentuhan yang lebih kreatif untuk menarik minat para penonton.
- |                   |                     |
|-------------------|---------------------|
| A I dan II sahaja | C II dan IV sahaja  |
| B I dan IV sahaja | D III dan IV sahaja |

- 26 I Para pelancong akan dapat menghayati keindahan Taman Negara Sarawak apabila melawat negeri bumi kenyalang itu.
- II Cikgu Amirul mendenda pelajar itu kerana tidak menyiapkan latihan yang diberikan.
- III Farid belum biasa menjejakkan kaki ke pulau legenda, iaitu Pulau Langkawi.
- IV Hayati memberitahu dia ketakutan bila sendirian di rumah.
- A I dan II sahaja C I, II dan III sahaja
- B II dan III sahaja D II, III dan IV sahaja
- 27 I Jumlah keahlian persatuan ini kian bertambah daripada setahun ke setahun.
- II Masalah kecurian air semakin menjadi bila kurangnya pemantauan oleh pihak berkuasa.
- III Rakyat Malaysia dapat mengikuti perkembangan angkasawan negara di angkasa secara langsung.
- IV ``Kami tidak ambil pusing akan hal itu kerana perkara itu tidak berkaitan dengan keluarga kami,``kata Yahya.
- A I dan II sahaja C I, II dan III sahaja
- B III dan IV sahaja D II, III dan IV sahaja

**Soalan 28-30**

Pilih **peribahasa** atau **maksud peribahasa** yang paling sesuai bagi pernyataan-pernyataan yang berikut

28.

Mak Nab : Anak-anak kita sudah lama tidak pulang ke kampung. Mereka tidak lagi bertanyakan khabar kita di sini sejak bekerja di Kuala Lumpur.

Pak Samad : Mereka sudah lupakan kita

Peribahasa yang sesuai untuk anak-anak Mak Nab dan Pak Samad adalah.....

- A seperti Belanda minta tanah
- B seperti kacang lupakan kulit
- C seperti bulan jatuh ke riba
- D seperti api dalam sekam



29. Sikap merendah diri Datuk Ismail disenangi oleh pekerjaanya dan beliau dihormati oleh semua pekerjaanya. Baginya.....

- A kalau tiada angin, masakan pokok bergoyang
- B ular menyusur akar tidak akan hilang bisanya
- C sudah terhantuk baru tengadah
- D tiada rotan akar pun berguna

30. Semua peribahasa yang berikut membawa maksud seseorang mendapat keuntungan kecuali.....

- A bulan jatuh ke riba
- B mendapat durian runtuh
- C pisang tak akan berbuah dua kali
- D orang mengantuk disorongkan bantal

**Soalan 31-35**

Baca puisi di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

**SEUNTAI KATA UNTUK DIRASA**

Panas usah membakar dada  
Suara usah menggegar sahaja  
Kalau benar membawa cita  
Di dalam senyap kumpulkan tenaga

Sekarang singkirkan semua bicara  
Sekarang kumpulkan tenaga raksasa  
Tiba saat berbunga merah  
Serentak mara kita bersama.

Ayam bertelur sekampung tahu  
Mengapa mesti kita begitu?  
Falsafah ubi diam berisi  
Mengapa tidak kita turuti?  
Dirasa, Tingkatan 2, DBP)

A. Samad Said  
(Dipetik daripada antologi Seuntai Kata Untuk

31. Apakah yang cuba dimaksudkan oleh penyajak dalam rangkap pertama?

- A Lakukan sesuatu perkara itu dengan senyap tanpa dihebohkan
- B Usah bercakap lebih sekiranya tidak mamapu melakukan sesuatu perkara yang diingini
- C Cita-cita yang baik harus disegerakan supaya manfaat dapat dikecapi bersama-sama
- D Perasaan marah tidak perlu dilontarkan sekiranya kita mempunyai hasrat untuk memperbaiki keadaan.

32. Kita seharusnya mengikut falsafah ubi yang.....

- A banyak membuat jasa
- B tidak menghebohkan sesuatu perkara
- C membuahkan hasil walaupun lama
- D tidak menonjolkan keupayaan sebenar

33. Apakah nada sajak "Seuntai Kata Untuk Dirasa"?

- |         |              |
|---------|--------------|
| A Sinis | C Melankolik |
| B Sedih | D Patriotik  |

34. Berikut merupakan pernyataan yang benar tentang sajak "Seuntai Kata Untuk Dirasa"

**melainkan**

- A perkara yang kecil tidak perlu diperbesar
- B kebaikan yang banyak perlu dihimpunkan secara diam-diam
- C susun dan aturkan strategi serta kumpulkan tenaga untuk digunakan apabila perlu
- D tenaga yang ada perlu disimpan kerana sesuatu perkara dapat diselesaikan melalui perbincangan

35. Sajak "Seuntai Kata Untuk Dirasa" bertemakan

- |                        |                                         |
|------------------------|-----------------------------------------|
| A semangat patriotisme | C perjuangan menegakkan kebenaran       |
| B cinta akan tanah air | D kepentingan strategi dalam perjuangan |

### Soalan 36-40

Baca petikan cerita di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Maka pada hari yang baik, maka pergilah dengan segala lasykarnya ke rimba pada tempat gajah memandikan kanak-kanak itu. Syahadan maka orang tua yang pada surau itu pun ghaiblah dengan suraunya, tiadalah dilihatnya di sana lagi. Maka pada hari Khamis pun masing-masing mengorek tanah akan tempat bersembunyi akan mengambil kanak-kanak itu. Syahadan maka datanglah kepada hari Jumaat. Maka keluarlah gajah itu dari dalam rimba membawa kanak-kanak itu memandikan ke sungai pada tempat dimandikannya dahulu itu. Setelah datang ia ke sungai, maka dimandikannya kanak-kanak itu: setelah sudah dimandikannya di tebing sungai, maka gajah itu pun memandikan dirinya. Maka segeralah Raja Ahmad mengambil kanak-kanak itu maka lalu dibawanya dengan segeranya berjalan. Maka dilihat oleh gajah itu lalu diikutnya akan Raja Ahmad itu. Sekalian lasykarnya menghalau gajah itu dan setengahnya melontar dia. Maka berpalinglah gajah itu. Adapun nama gajah itu Bujang Sakalis lagi gajah itu tunggal tiada dapat lama hidupnya dalam benua ini.

Maka Raja Ahmad pun berjalanlah ia ke negerinya dengan segala lasykarnya. Hatta maka sampailah ke istananya maka Tuan Puteri pun berdiri di pintu istananya mengalu-alukan Raja Ahmad itu. Maka Tuan Puteri pun melihat kepada kanak-kanak itu maka segeralah didupakannya, lalu disambutnya daripada Raja Ahmad itu. Maka terlalulah amat baik parasnya. Maka dinamainya Merah Gajah. Maka masyhurlah dalam negeri itu Raja Ahmad beroleh kanak-kanak itu. Maka datanglah saudaranya Raja Muhammad pergi melihat Merah Gajah itu, maka ia pun amat sukacita melihat kanak-kanak itu terlalu baik parasnya. Maka Raja Ahmad pun berceritalah kepada saudaranya Raja Muhammad perihal segala kelakuannya ia berburu itu dan ia bertemu dengan sebuah surau itu di tengah rimba belantara dan bertemu dengan seorang tua dalam surau itu dan perihal ia mendapat kanak-kanak itu. Maka Raja Muhammad pun bermohon menyembah kakanda dua laki isteri lalu ia kembali ke negerinya. Maka beberapa lama antaranya maka besarlah kanak-kanak itu keduanya. Maka didudukkannya Merah Gajah itu dengan Puteri Betung, maka berbesanlah ia kedua bersaudara sentiasa ia dalam kesukaannya.

( Dipetik daripada prosa tradisional " Puteri Buluh Betung", antologi

Seuntai Kata Untuk Dirasa, Tingkaatn 2, DBP)

36. Apakah yang terjadi kepada orang tua yang menyampaikan perihal budak yang dijaga oleh gajah itu?
- A tidak diketahui arah dan tujuannya
  - B masih lagi berada ditempat itu seperti sebelum ini
  - C hilang bersama-sama suraunya selepas memberitahu perkara tersebut
  - D berpindah ke tempat lain namun tidak diketahui nama tempat baharu itu
37. Siapakah yang ditemui oleh Raja Ahmad ketika baginda pergi berburu?
- A Seekor gergasi                      C            Seekor pelanduk
  - B Puteri Betung                      D            Seorang itu
38. Apakah peranan orang tua yang ditemui oleh Raja Ahmad ketika baginda pergi berburu?
- A Mempertemukan Raja Ahmad dengan kanak-kanak di atas seekor gajah
  - B Mempertemukan Raja Ahmad dengan seorang pendeta ilmu tauhid
  - C Membawanya berjumpa dengan penghulu segala binatang di hutan
  - D Membawanya ke tebing sebatang sungai tempat gajah itu dimandikan seorang Budak
39. Selain Raja Ahmad dan isterinya , siapakah yang berasa gembira apabila dapat berjumpa dengan kanak-kanak lelaki itu?
- A Inang pengasuh                      C            Raja Muhammad
  - B Seorang tua                          D            Hamba rakyat
40. Berikut merupakan pengajaran yang terdapat dalam cerita " Puteri Buluh Betung", **kecuali**
- A kita saling memerlukan antara satu sama lain
  - B seorang raja seharusnya memerintah negara dengan adil dan saksama
  - C Tuhan boleh melakukan apa sahaja walaupun mustahil pada fikiran kita
  - D kita seharusnya sentiasa bekerjasama tanpa mengira pangkat dan kedudukan

**SKEMA JAWAPAN KERTAS 1**  
**PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN TINGKATAN 2**  
**TAHUN 2010**

|    |   |
|----|---|
| 1  | A |
| 2  | D |
| 3  | B |
| 4  | B |
| 5  | B |
| 6  | D |
| 7  | B |
| 8  | D |
| 9  | A |
| 10 | B |
| 11 | B |
| 12 | A |
| 13 | A |
| 14 | A |
| 15 | A |
| 16 | D |
| 17 | C |
| 18 | C |
| 19 | A |
| 20 | B |
| 21 | B |
| 22 | C |
| 23 | D |
| 24 | C |
| 25 | B |
| 26 | A |
| 27 | B |
| 28 | B |
| 29 | B |
| 30 | C |
| 31 | D |
| 32 | C |
| 33 | A |
| 34 | D |
| 35 | A |
| 36 | C |
| 37 | D |
| 38 | A |
| 39 | C |
| 40 | B |